

Pembinaan Modul Pengajaran al-Quran (al-Alaq) dengan Menggunakan Model Instruksional ADDIE

BITARAVolume 3, Issue 3, 2020: 152-167
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[The Development of al-Quran Teaching Module (al-Alaq) by Using ADDIE Instructional Model]

Ahmad Tamizi Abu,¹ Rabiatul Adawiah Ahmad Rashid¹ & Salmiza Saleh¹

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan proses-proses pembinaan Modul Pengajaran al-Quran (al-Alaq) dengan menggunakan Model Instruksional ADDIE. Modul Pengajaran al-Quran (al-Alaq) merupakan modul pengajaran Kemahiran Asas Bacaan al-Quran untuk digunakan oleh guru-guru Pendidikan Islam bagi meningkatkan pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran Tahun Satu. Manakala Model Instruksional ADDIE merupakan satu model panduan reka bentuk dan pembangunan Modul al-Alaq. ADDIE merupakan satu model yang bersistematik yang dapat memandu amalan pengajaran dan pembelajaran yang terperinci untuk pembangunan, penilaian dan penyelenggaraan situasi pengajaran dan pembelajaran atau modul pengajaran bagi mencapai objektif pembelajaran yang diharapkan. ADDIE merupakan satu akronim yang dapat dirungkaikan seperti berikut *Analysis* (analisis), *Design* (reka bentuk), *Development* (pembangunan), *Implementation* (pelaksanaan) dan *Evaluation* (penilaian). Model ADDIE ini melibatkan proses berulang-ulang dan mempunyai perkaitan di setiap fasa-fasa yang berikutnya. Dapatan setiap fasa merupakan permulaan kepada fasa yang berikutnya. Pendekatan kajian menggunakan kualitatif dan kuantitatif bagi mereka bentuk, membangun dan menilai al-Alaq yang dihasilkan. Instrumen kajian digunakan ialah Borang Penilaian Kesahan Kandungan dan Protokol Temu Bual yang diubahsuai daripada kajian lepas. Data kualitatif dianalisis secara tematik manakala data kuantitatif dianalisis menggunakan Kaedah *Content Validity Index* (CVI). Dapatan kajian mendapati Modul al-Alaq yang dibangunkan mempunyai kesahan dan kebolehlaksanaan yang tinggi dan tersedia untuk diuji keberkesannya terhadap pencapaian Kemahiran Asas Bacaan al-Quran murid-murid Tahun Satu.

Kata kunci:

Modul Pengajaran al-Quran, Murid Tahun Satu, Model ADDIE, Content Validity Index (CVI), Pembangunan.

Abstract

This study aims to discuss the processes of construction of Al Alaq Module using the ADDIE Intrusive Model. The al-Alaq Teaching Module is a teaching module of Quranic Reading Skills for use by Islamic Education teachers to enhance the achievement of basic Year One Quran reading skills. While the ADDIE Instructional Model is a model of design and development guidance researchers use to build and develop al-Alaq Module. ADDIE is a systematic model that guides detailed teaching and learning practices for the development, assessment and maintenance of teaching and learning situations or teaching modules to achieve the desired learning objectives. ADDIE is an acronym that can be summarized as follows Analysis, Design, Development, Implementation and Evaluation. This ADDIE model involves repetitive processes and has relevance in every phase. The findings of each phase are

¹ Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Penang, MALAYSIA.

Corresponding Author:

RABIATUL ADAWIAH AHMAD RASHID, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Penang, MALAYSIA.
E-mail: r_adawiah@usm.my

the beginning of the next phase. The research approach uses qualitative and quantitative methods to design, develop and evaluate the Al Alaq Module. The instruments of the research are Content Validation Form and the Interview Protocol which was modified from the previous study. Qualitative data were analysed thematically while quantitative data were analysed using the Content Validity Index (CVI) method. The findings of the study show that al-Alaq Module developed have good validity and practicality by Year One Islamic Education teachers. The resulting module is also available to test its effectiveness on the achievement of Year One Students on Quranic Reading Skills.

Keywords:

al-Quran Teaching Module, Year One Students, ADDIE Models, Content Validity Index (CVI), Development

Cite This Article:

Ahmad Tamizi Abu, Rabiatal Adawiah Ahmad Rashid & Salmiza Saleh. 2020. pembinaan modul pengajaran al-Quran (al-Alaq) dengan menggunakan model instruksional ADDIE. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(3): 152-167.

Pengenalan

Revolusi Industri 4.0 turut memacu perubahan dalam sistem pendidikan negara. Perubahan yang dirancang dalam aspek pembangunan pendidikan dan polisi pendidikan perlulah menyokong elemen-elemen tersebut. Semua mekanisme penyampaian isi kandungan pendidikan dan kemahiran perlulah dilestarikan mengikut perkembangan semasa (Maimun Aqsha, Wan Nurul Syuhada', & Mohd Isa, 2017). Pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran tradisional seperti kaedah *chalk and talk* tidak lagi relevan untuk diaplikasikan dalam pembelajaran abad ke 21 (Ahmad Rizal, Muhammad Zhafran, Mohamad Zaid, & Yahya, 2011; Alizah Lambri & Zamri Mahamod, 2015). Begitu juga dalam proses pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Asas Bacaan al-Quran Tahun Satu perlu diberi nafas baru agar lebih dinamik dan berdaya saing.

Pendidikan al-Quran adalah salah satu bidang yang terpenting dalam Pendidikan Islam terutamanya diperingkat awal kanak-kanak (al-Qabisi, 1955; Bhasah, 2013; Mohd Yusuf, 2000; Norsyida & Sedek, 2014; Rashidah, 2017). Oleh yang demikian, fokus utama pengajaran dan pembelajaran Bidang al-Quran di kalangan murid Tahun Satu adalah berkaitan dengan Kemahiran Asas Bacaan al-Quran. Kemahiran tersebut amat diberi penekanan kerana ketidakupayaan menguasai kemahiran tersebut akan menyukarkan seseorang murid untuk menguasai kemahiran bacaan al-Quran di peringkat yang lebih tinggi.

Kajian-kajian yang lepas mendapati masih terdapat ramai lagi murid sekolah rendah, pelajar sekolah menengah dan mahasiswa universiti yang tidak dapat menguasai bacaan al-Quran dengan baik (Ahmad Tamizi & Rabiatal Adawiah, 2020; Rashidah, 2017; Sapie, Barinah, Suhana, Mohamad Fuad, & Siti Nga'ishah, 2018). e-pelaporan J-qaf negeri-negeri zon utara seperti Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak 2018 menunjukkan tahap pencapaian murid Tahun Satu dalam penguasaan Iqra amat lemah (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2018). Di samping kajian-kajian semasa juga mendapati penyelidikan dalam Pendidikan Islam khususnya di Malaysia kurang menghasilkan produk pengajaran dan pembelajaran kepada pendidik bagi membantu mereka menjalankan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Asas Bacaan al-Quran Tahun Satu dalam jumlah murid yang ramai khususnya dalam bilik darjah

(Ahmad Tamizi & Rabiatul Adawiah, 2020). Selain itu, keperluan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menyokong pembelajaran abad ke 21 serta selari dengan Revolusi Industri 4.0 perlu diberi keutamaan.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk membincangkan proses-proses pembinaan Modul Pengajaran al-Quran iaitu al-Alaq dengan menggunakan Model Instruksional ADDIE sebagai rujukan model reka bentuk dan pembinaan modul. Setiap lima peringkat dalam Model Instruksional ADDIE diikuti dengan teliti bagi menghasilkan nilai kesahan dan kebolehpercayaan modul yang tinggi.

Latar Belakang

Dewasa ini kajian pembinaan modul dalam pendidikan amat diberi perhatian oleh penyelidik-penyelidik dalam bidang pendidikan. Ini adalah kerana penggunaan modul dapat membantu guru mengajar sesuatu unit atau tajuk dengan menggunakan pelbagai kaedah dan aktiviti yang disusun dengan baik dan bersistematik. Penggunaan modul juga dapat membantu guru untuk meningkatkan pencapaian dan kemahiran para pelajar. Manakala kebaikan untuk pelajar pula modul dapat membantu mereka untuk memperolehi ilmu pengetahuan, pemahaman dan kemahiran dalam proses pembelajaran dengan lebih cepat dan berkesan.

Sharifah Alwiah (1981) menggariskan enam kegunaan modul 1) pengajaran biasa; iaitu guru menggunakan modul untuk pengajaran biasa yang dilakukan di dalam kelas, 2) memperkayakan bahan pengajaran dan pembelajaran; modul yang dibangunkan mengandungi pelbagai kaedah dan aktiviti berdasarkan teori dan pendekatan yang membantu mencapai objektif yang ditetapkan, 3) pengajaran pemulihan (*remidi*); modul juga boleh digunakan untuk membantu pelajar yang lemah dengan memberi modul tambahan yang boleh dipelajari secara bersendirian, 4) menetapkan kebolehan yang sama di peringkat permulaan sebelum memulakan satu pembelajaran baharu. 5) mengajar pelajar yang tidak dapat hadir dengan sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan dan 6) merancang kursus melalui pos atau pengajaran jarak jauh dengan menggunakan modul. Manakala kepentingan modul terhadap bidang pendidikan pula dapat membantu guru dan pelajar untuk mencapai sesuatu objektif pengajaran dan pembelajaran secara terancang, sistematik dan berkesan serta cepat .

Terdapat empat kelebihan modul-modul dalam pendidikan iaitu kesan pengajaran terjamin kerana modul dibina dengan teliti, di samping isi pelajaran dirancang serta disusun mengikut teori-teori dan model-model pendidikan. Pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan kerana penyelidik telah membuktikan keberkesanan modul tersebut dalam kajian mereka. Oleh itu, penggunaan modul membolehkan guru dan pelajar mencapai objektif dengan lebih cepat dan berkesan dalam tempoh masa yang agak singkat di samping dapat mempelajari banyak unit-unit mata pelajaran secara modular.

Selain dari itu, penggunaan modul membolehkan guru tidak banyak melibatkan diri dalam pembelajaran jika modul yang digunakan itu ialah modul pembelajaran, guru hanya memperkenalkan modul tersebut dan murid terus menggunakannya. Jika modul yang digunakan adakah modul pengajaran maka guru tak perlu memikirkan aktiviti-aktiviti pengajaran yang bersesuaian kerana semua aktiviti telah tersedia dalam modul. Guru hanya mengaplikasikannya sahaja tanpa perlu membuang masa untuk memikirkan aktiviti lain. Dengan

adanya modul juga guru mudah mendapat maklum balas terhadap keputusan dan membuat perbandingan keputusan tersebut sebelum dan selepas menggunakan modul.

Kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa kesan penggunaan modul dalam pengajaran dan pembelajaran adalah terjamin (Naziroh, 2015). Pembinaan modul pengajaran dan pembelajaran perlu merujuk kepada teori-teori atau model-model instruksional untuk memandu dan mengatur langkah dan hala tuju model yang hendak dibina. Terdapat pelbagai model reka bentuk instruksional bahan pengajaran yang dikemukakan oleh penyelidik-penyelidik dari dalam dan luar negara. Model-model tersebut seperti Model Sidek, Model Sharifah Alwiah Alsagoff, Model Russel, Model ASSURE, Model Dick and Carrey, Model Hanaffin & Peck, Model Mayer, Model Dick & Reiser dan Model ADDIE. Model-model yang dikemukakan mempunyai keistimewaan tersendiri dan berbeza dari segi cara dan prosedur yang digunakan. Namun begitu, setiap peringkat dan proses yang terdapat dalam model-model berkenaan bertujuan untuk mendapat kebolehpercayaan dan kebolegunaan yang tinggi serta dapat memberi kesan kepada pengguna setelah diaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran (Nor Mazliana, 2016).

Walau bagaimanapun dalam kajian ini, penyelidik memilih Model Instruksional ADDIE sebagai model panduan untuk membina dan mereka bentuk Modul al-Alaq. Model ADDIE merupakan satu pendekatan reka bentuk modul yang boleh digunakan dalam pelbagai bentuk pembangunan (Branch, 2009; Nor Mazliana, 2016). Ia sesuai untuk *beginner designer* (Grant, 2010). Menurut Rian (2014) juga menyatakan ADDIE adalah model yang tidak terlalu sukar dan panjang di samping arahan dalam setiap proses mudah untuk diikuti. Kenyataan ini disokong oleh Nahohah et al. (2015) Model ADDIE menyediakan integrasi garis panduan dan kaedah yang mudah diikuti. Begitu juga dengan Nor Mazlina (2017) menegaskan bahawa Model ADDIE mempunyai langkah-langkah yang lebih seimbang dan afektif.

Oleh yang demikian, terdapat ramai penyelidik mengaplikasi Model ADDIE untuk membimbing dan memandu mereka untuk mereka bentuk, membina dan menghasilkan produk pendidikan yang baharu, seperti kajian Muhammad Sabri & NorAziah (2012) telah menghasilkan e-pembelajaran permainan perbendaharaan kata Bahasa Arab dengan jayanya. Begitu juga dengan Kamaruzzaman & Norazah (2012) telah menginovasikan web perisian asas Bahasa Perancis dengan menggunakan sistem pengurusan kandungan dan hasil kajian telah menunjukkan peningkatan yang baik. Penyelidik turut menggunakan Model Instruksional ADDIE sebagai model reka bentuk pembangunan Modul al-Alaq.


Modul Pengajaran al-Quran al-Alaq

Modul Pengajaran al-Alaq merupakan model pengajaran al-Quran Tahun Satu untuk meningkatkan pencapaian Kemahiran Asas Bacaan al-Quran. Modul ini digunakan oleh Guru Pendidikan Islam Tahun Satu sebagai panduan pengajaran yang sistematik kerana ia dibina secara teliti dengan menggunakan Model Instruksional ADDIE berdasarkan beberapa teori dan model. Kemahiran Asas Bacaan al-Quran merujuk kepada bacaan awal yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh setiap individu untuk membolehkan mereka menguasai kemahiran bacaan al-Quran di peringkat yang seterusnya. Menurut Jalaluddin (2012); Muhamad Anuar (2013) Kemahiran Asas Bacaan al-Quran merujuk kepada enam prinsip-prinsip asas yang perlu

dikuasai oleh seseorang bagi membolehkan mereka membaca al-Quran. Prinsip-prinsip yang dimaksudkan ialah: 1) keupayaan mengenal dan membaca 29 huruf *hijaiyah* dengan baik, 2) kemampuan membaca tanda baris asas bacaan (*fathah, kasrah dan dammah*), 3) kemahiran menguasai tanda baris dua bacaan (*tanwin*), 4) keupayaan mengenal tanda bacaan panjang (*mad*), 5) kemampuan membaca tanda bacaan mati (*sukun*) dan 6) kemahiran menguasai tanda bacaan berganda (*shaddah*).

Model Instruksional ADDIE

Model ini diasaskan oleh Rosset (1987) dan dikembangkan oleh Dick and Carry (1996) bagi menghasilkan sesebuah sistem pengajaran dan pembelajaran Nasohah, 2015). ADDIE merupakan satu akronim yang dapat dirungkaikan seperti berikut *Analysis* (analisis), *Design* (reka bentuk), *Development* (pembangunan), *Implementation* (pelaksanaan) dan *Evaluation* (penilaian). Model ADDIE ini melibatkan proses berulang-ulang dan mempunyai perkaitan di setiap fasa. Dapatan setiap fasa merupakan permulaan kepada fasa yang berikutnya (McGriff, 2000). Rajah 1 menunjukkan Modul Instruksional ADDIE.



Rajah 1 Model Instruksional ADDIE diubah suai daripada kajian (McGriff, 2000)

Setiap peringkat di Rajah 1 dirumuskan dalam Jadual 1 seperti berikut

Jadual 1 Ringkas Proses Peringkat ADDIE

	Analisis	Reka Bentuk	Pembangunan	Pelaksanaan	Penilaian
Konsep	Mengenal pasti faktor-faktor yang berkemungkinan berlakunya jurang sesuatu prestasi	Mengesahkan persembahan yang dikehendaki dan kaedah ujian yang sesuai	Menjana dan mengesahkan sumber pembelajaran	Sediakan persekitaran pembelajaran dan melibatkan diri murid	Menilai kualiti pengajaran produk dan proses, sebelum dan selepas pelaksanaannya
Prosedur Biasa	1. Mengesahkan jurang prestasi 2. Menentukan matlamat pengajaran 3. Mengesahkan sasaran murid yang dikehendaki 4. Mengenal pasti sumber yang diperlukan 5. Menentukan sistem dan proses penyampaian (termasuk anggaran kos) 6. Menulis cadangan perancangan pengurusan projek Rumusan Analisis	1. Mengendalikan inventori tugas 2. Menulis objektif 3. Menjana strategi ujian Ringkasan Reka Bentuk	1. Menjana kandungan 2. Memilih atau membuat media sokongan 3. Membuat panduan untuk guru iaitu perancangan pengajaran 4. Melaksanakan semakan formatif 5. Mengendalikan kajian rintis Sumber Pembelajaran	1. menyediakan guru murid 2. Menyediakan murid Strategi Pelaksanaan	1. Tentukan kriteria penilaian 2. Pilih alat penilaian 3. Melaksanakan penilaian Pembelajaran Rancangan Penilaian

Sumber: (Branch, 2009)

Peringkat Analisis (*Analysis*)

Peringkat ini merupakan analisis keperluan terhadap keperluan pembinaan al-Alaq. Menurut Smith & Ragan (1993) analisis keperluan bertujuan untuk mengenal pasti sama ada kajian yang dijalankan benar-benar mengikuti keperluan pendidikan. Aspek utama dalam peringkat ini ialah mengenal pasti jurang permasalahan tentang pengajaran al-Quran tahun satu. Bagi

mengenal pasti permasalahan yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran tahun satu beberapa aspek analisis dilakukan seperti analisis dokumen, persekitaran pembelajaran, ciri-ciri, kemahiran, sikap murid untuk mengetahui tahap pengetahuan sedia ada murid dan analisis masalah pembelajaran. Analisis-analisis tersebut dilakukan adalah untuk menentukan hala tuju objektif pembelajaran dan pengajaran al-Quran tahun satu.

Hal ini ditegaskan oleh Dick dan Reiser (1989) bahawa analisis keperluan murid dapat membantu penyelidik dalam menentukan kemahiran dan pengetahuan yang harus dipelajari oleh murid serta dapat menentukan objektif pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Analisis-analisis yang dirancang menggunakan instrumen temu bual dan analisis dokumen bagi mendapatkan data-data yang berkaitan dengan keperluan pembinaan al-Alaq.

Bagi mengenal pasti jurang pencapaian, penyelidik membuat analisis e-pelaporan j-QAF peringkat Daerah, Negeri dan Kebangsaan 2017 dan 2018. Berdasarkan analisis tersebut penyelidik mendapati pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran murid tahun satu sangat lemah iaitu tidak mencapai tahap minimum seramai 36.50 murid yang mencapai tahap minimum iaitu menguasai kemahiran asas bacaan al-Quran tahun satu dan 63.54 murid tidak mencapai tahap minimum. Manakala data pencapaian Iqra di peringkat kebangsaan dengan merujuk kepada negeri-negeri zon utara seperti Perak, Pulau Pinang dan Perlis turut menghadapi trend yang sama dengan data pencapaian negeri Kedah. Sebanyak 35.62% murid tahun satu yang dapat menguasai kemahiran asas bacaan al-Quran tahun satu di peringkat mencapai tahap minimum dan sebanyak 64.30% yang tidak mencapai tahap minimum. Data berkenaan telah menunjukkan jurang prestasi murid tahun satu dalam penguasaan bacaan kemahiran asas bacaan al-Quran tahun satu.

Penyelidik turut melaksanakan kaedah temu bual separa struktur dengan menggunakan protokol temu bual kepada lima orang pakar yang merupakan guru pendidikan Islam yang mengajar bidang al-Quran tahun satu bagi mendapat maklumat yang lebih mendalam tentang jurang dan permasalahan yang dihadapi oleh guru dan murid tahun satu dan keperluan pembinaan al-Alaq. Jadual 1 menunjukkan maklumat responden temu bual pembinaan al-Alaq dalam fasa analisis.

Jadual 1 Maklumat Responden Temu bual

Kod Responden	Profil Responden	Institusi	Pengalaman Dalam Bidang Berkenaan
R1GPI	Guru Pendidikan Islam	Sekolah Kebangsaan Syed Ibrahim	Guru Pendidikan Islam (16 Tahun)
R2GPI	Guru Pendidikan Islam	Sekolah Kebangsaan Air Puteh	Guru Pendidikan Islam (13 Tahun)
R3GPI	Guru Pendidikan Islam	Sekolah Kebangsaan Air Puteh	Guru Pendidikan Islam (14 Tahun)
R4GPI	Guru Pendidikan Islam	Sekolah Kebangsaan Penghulu Jusoh	Guru Pendidikan Islam (25 Tahun)
R5GPI	Guru Pendidikan Islam	Sekolah Kebangsaan Hujung Keton	Guru Pendidikan Islam (32 Tahun)

Rumusan daripada fasa ini penyelidik mendapati terdapat jurang pencapaian dalam kemahiran asas bacaan al-Quran di kalangan murid tahun satu berbanding sasaran yang sebenar yang dikehendaki oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara masalah-masalah yang mencetuskan kepada isu tersebut seperti modul sedia ada yang kurang membantu bagi meningkatkan pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran. Selain dari itu, para guru turut memerlukan kepada modul pengajaran tambahan untuk membantu mereka melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kemahiran asas bacaan al-Quran dengan lebih baik dan berkesan. Mereka juga mencadangkan beberapa aktiviti yang mampu memberi impak yang positif dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran asas bacaan al-Quran tahun satu seperti menggunakan kaedah nyanyian, kaedah ulangan, kaedah *talaqi musyafahah*, permainan serta menggunakan bahan batu mengajar seperti kad imbasan dan penggunaan intonasi suara yang berbeza. Oleh yang demikian, al-Alaq diperlukan untuk membantu guru Pendidikan Islam tahun satu untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kemahiran asas bacaan al-Quran dengan mengambil kira cadangan pakar-pakar.

Peringkat Reka Bentuk (*Design*)

Peringkat reka bentuk merupakan dapatan daripada peringkat sebelumnya iaitu peringkat analisis keperluan. Fasa ini menggariskan objektif-objektif, elemen-elemen, kaedah instruksional yang akan digunakan serta teori dan model yang mendasari al-Alaq. Penyelidik telah mengenal pasti masalah murid tahun satu tidak dapat menguasai kemahiran asas bacaan al-Quran di fasa pertama dan menggariskan objektif-objektif al-Alaq seperti berikut. 1) menyebut bunyi huruf hijaiyah tunggal pelbagai baris berbaris satu (*fathah, kasroh* dan *dommah*), 2) membaca kalimah huruf *hijaiyah* pelbagai baris berbaris *tanwin (fahatain, kasrotain dan dommatain)*, 3) membaca kalimah huruf *hijaiyah* bersambung pelbagai baris, 4) membaca kalimah huruf hijaiyah bersambung pelbagai baris (*fathah, kasroh, dommah, fahatain, kasrotain dan dommatain*) yang mengandungi huruf mad asli, 5) membaca kalimah huruf *hijaiyah* bersambung pelbagai baris yang mengandungi baris sukun dan 6) membaca kalimah huruf hijaiyah bersambung pelbagai baris yang mengandungi baris *shaddah*.

Berdasarkan dapatan daripada analisis keperluan penyelidik menyenaraikan beberapa kaedah-kaedah yang perlu dimasukkan dalam al-Alaq berdasarkan cadangan para pakar. Kaedah-kaedah yang dimaksudkan ialah muzik dan nyanyian, gambar rajah, pergerakan aktif, intonasi suara yang pelbagai dan suasana persekitaran yang menyeronokkan dan kondusif (emosi positif).

Dapatan daripada analisis keperluan juga mendapati kaedah sedia ada yang digunakan dalam pengajaran al-Quran tahun satu tidak dapat menarik minat murid yang mempunyai pelbagai tingkah laku menyebabkan mereka kurang berminat dan kurang motivasi untuk mempelajari kemahiran asas bacaan al-Quran. Menurut Sapie et. al (2018) menyatakan guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam pembelajaran al-Quran dengan memilih kaedah yang terkini untuk menarik minat murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran bidang tersebut. Selain itu, tiga orang daripada lima orang responden temu bual iaitu R2GPI, R4GPI dan R5GPI turut mengutarakan isu keperluan kepada kepelbagaian kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran asas bacaan al-Quran tahun satu.

Di peringkat ini juga penyelidik menjalankan literatur kajian, untuk mengenal pasti teori-teori dan model-model yang berkaitan untuk menyokong kajian. Justeru pembinaan al-Alaq dibangunkan berdasarkan Teori Kecerdasan Pelbagai, Model Kerucut Dale, Model Pemprosesan Maklumat Atkinson dan Shiffrin, dan Model Bacaan Interaktif. Jadual 2 di bawah menunjukkan hubungan antara Teori Kecerdasan Pelbagai dengan teori dan model lain dalam konteks kajian penyelidik.

Jadual 2 Hubungan Teori Kecerdasan Pelbagai dengan Teori dan Model yang lain

Kecerdasan Pelbagai	Implikasi Terhadap Pengajaran Guru	Teori dan Model yang berkaitan
Verbal-Linguistik	Guru perlu menggunakan stesen pembelajaran dan melalui pengajaran serta penerangan lisan.	Model Dale Kerucut Pengalaman Teori Behavioris
Logik-Matematik	Guru perlu menggunakan kaedah penyelesaian masalah, inkuiri penemuan dan pembelajaran koperatif.	Model Dale Kerucut Pengalaman
Visual-Ruang	Guru perlu menggunakan kaedah tunjuk cara, video dan gambar rajah serta boleh memberi sumbangan kepada projek kumpulan melalui carta dan rajah.	Model Bacaan Interaktif Model Dale Kerucut Pengalaman
Kecerdasan Kinestetik	Guru perlu mengatur aktiviti fizikal seperti menari, bermain dan bersukan serta cekap dalam aktiviti menggunakan kemahiran motor. Mereka berkebolehan untuk belajar melalui perbuatan seperti simulasi, permainan, main peranan dan membina model.	Model Dale Kerucut Pengalaman Model Pembelajaran Pemprosesan Maklumat Atkinson dan Shiffrin
Kecerdasan Muzik	Guru perlu mengajar murid-murid melalui pengajaran lisan dan suka melakukan aktiviti jenis tarian, gimnastik serta berlatarkan muzik.	Model Dale Kerucut Pengalaman Model Pembelajaran Pemprosesan Maklumat Atkinson dan Shiffrin
Kecerdasan Interpersonal	Guru perlu mengajar murid-murid menggunakan pendekatan pengajaran rakan sebaya serta penglibatan dalam perbincangan kelas.	Model Dale Kerucut Pengalaman
Kecerdasan Intrapersonal	Guru perlu mengatur aktiviti yang berbentuk stesen-stesen pembelajaran dan berkebolehan membuat laporan jurnal yang baik.	Model Dale Kerucut Pengalaman
Kecerdasan Naturalis	Guru perlu mengajar dengan menggunakan kaedah-kaedah yang melibatkan aktiviti melalui aktiviti luar kelas di samping menggunakan bahan-bahan maujud bersumberkan flora dan fauna.	Model Dale Kerucut Pengalaman

Perancangan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam al-Alaq dibina berdasarkan garis panduan pelaksanaan Teori .Kecerdasan Pelbagai yang diubahsuai, oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM (2001). Jadual 3 menunjukkan elemen-elemen dalam panduan penyediaan rancangan pengajaran dan

pembelajaran menggunakan kecerdasan pelbagai dalam Panduan Aplikasi Teori Kecerdasan dalam pengajaran oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM (2001).

Jadual 3 Draf Cadangan Rancangan Pengajaran Modul al-Alaq

Peringkat	Aktiviti Pengajaran Guru	Aktiviti Murid	Kecerdasan Pelbagai	Gabungan teori berkaitan
Set Induksi	Menjalankan Set Induksi	Menarik perhatian dan mengaktifkan otak murid ke arah objektif pengajaran dan pembelajaran	Contoh: Visual-Ruang	Dinyatakan teori lain berkaitan
Langkah 1 Langkah 2 Langkah 3	Menyatakan aktiviti-aktiviti pengajaran guru	Menjalankan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran	Nyatakan kecerdasan yang terlibat	Dinyatakan teori lain berkaitan
Latihan pengukuhan	Menjalankan aktiviti pengukuhan	Menilai kefahaman pelajar	Nyatakan kecerdasan yang terlibat	Dinyatakan teori lain berkaitan
Rumusan	Menjalankan aktiviti-aktiviti rumusan.	Mengulangi kemahiran yang dipelajari. Membuat pratonton kemahiran akan datang.	Nyatakan kecerdasan yang terlibat	Dinyatakan teori lain berkaitan

Rumusan daripada dapatan peringkat reka bentuk penyelidik dapat menggariskan objektif pengajaran dan pembelajaran modul. Penyelidik juga dapat mempertimbangkan kaedah-kaedah yang boleh dimuatkan dalam al-Alaq. Selain itu, peringkat ini juga membantu penyelidik untuk mengenal pasti teori-teori dan model-model yang sesuai digunakan untuk menyokong kaedah-kaedah dicadangkan oleh pakar dan literatur kajian. Dalam peringkat ini juga penyelidik membuat draf persembahan, perancangan dan susun atur aktiviti dan bahan dalam al-Alaq yang bakal dibangunkan. Segala dapatan di peringkat reka bentuk ini akan dimuatkan dan dilaksanakan dalam peringkat yang seterusnya iaitu peringkat pembangunan.

Pembangunan (*Development*)

Peringkat ini merupakan fasa untuk membangun dan mengembangkan al-Alaq berdasar output fasa reka bentuk. al-Alaq mempunyai tiga sub modul utama dan setiap sub modul mempunyai dua topik. Jumlah keseluruhan sub topik ialah enam yang berbentuk rancangan pengajaran dan pembelajaran. Penyelidik menyusun segala maklumat umum, rancangan pengajaran, aktiviti pengajaran dan pembelajaran, nota panduan guru, aktiviti pengukuhan secara individu dan kumpulan serta menentukan bahan-bahan pengajaran dan media untuk memantapkan lagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran kemahiran asas bacaan al-Quran tahun satu.

Dalam fasa ini penyelidik memilih bahan-bahan sokongan dan media pengajaran dan pembelajaran dalam pembangunan al-Alaq berdasarkan teori dan model-model pengajaran dan pembelajaran yang mendasari kajian ini iaitu Teori Kecerdasan Pelbagai, Model Dale Kerucut Pengajaran, Model Pemprosesan Maklumat dan Model Bacaan Interaksi. Selain daripada itu, faktor-faktor pemilihan media sokongan dalam al-Alaq juga dipertimbangkan berdasar cadangan pakar-pakar di fasa analisis keperluan.

Dalam al-Alaq mempunyai enam media utama dalam mendokong pengajaran dan pembelajaran kemahiran asas bacaan al-Quran berdasarkan Teori Kecerdasan Pelbagai dan dibantu sokongan model yang lain. Media-media tersebut seperti elemen muzik, lagu, gambar, simbol, pergerakan aktif dan bahan bacaan sokongan. Draf yang telah siap dibina, penyelidik menjalankan kesahan kandungan dan kajian rintis serta penilaian kebolehlaksanaan al-Alaq.

Kesahan Kandungan Modul al-Alaq

Oleh itu untuk mengukur kesahan modul dengan menggunakan pandangan pakar (Mohd Majid, 1998). Dalam pendekatan kajian ini, penyelidik menggunakan instrumen soal selidik UKABAL terhadap pakar yang telah dikenal pasti dalam kajian ini. Penyelidik menurut saranan Russell (1997) dalam (Sidek & Jamaludin, 2017) untuk menilai kesahan kandungan al-Alaq iaitu setiap pakar akan diberikan satu set al-Alaq yang telah siap dibina untuk dibaca, dikaji, diteliti dan ditentukan isi kandungannya. Setelah selesai membuat penelitian dan penilaian tersebut setiap pakar diminta untuk mengisi borang soal selidik kesahan kandungan al-Alaq. Setiap pakar perlu memberi ulasan dan cadangan kandungan al-Alaq di dalam ruangan yang disediakan untuk penambahbaikan dan peningkatan kualiti modul yang dibina. Pakar-pakar penilai dan penyemak al-Alaq terdiri daripada seorang Pakar Kesahan Bahasa, empat orang Pakar Bidang Pendidikan Islam, dua orang Pakar Pembinaan Modul, dua orang Pakar Brain Based Learning dan dua orang Pakar Kurikulum.

Analisis kesahan pakar dibuat bagi memenuhi kesahan kandungan menerusi kaedah Indeks Kesahan Kandungan (Content Validation Index - CVI). Kekuatan kaedah CVI ini adalah ia digunakan secara meluas dalam menyediakan bukti kesahan kandungan untuk instrumen, (Davis, 1992; Grant & Davis, 1997; Lynn, 1986; Waltz, Strickland, & Lenz, 2016). Kaedah ini menggariskan pengiraan yang ringkas, mudah difahami, memberi tumpuan kepada persetujuan yang relevan, fokus kepada kesepakatan kata dan penyediaan kedua-dua maklumat item dan skala (Polit, Beck, & Owen, 2007).

Rumusan keseluruhan pakar terhadap kesemua konstruk kesahan kandungan Modul Pengajaran al-Alaq (al-Alaq) ialah 0.99. Nilai ini melebihi nilai yang boleh diterima iaitu 0.80. Dapatan ini telah menunjukkan kandungan modul al-Alaq mendapat kesahan kandungan yang tinggi daripada sembilan panel pakar dalam kajian ini.

Ujian Kebolehlaksanaan Modul

Setelah mendapatkan pengesahan pakar dan telah membuat penambahbaikan al-Alaq berdasarkan cadangan pakar, seterusnya penyelidik menjalankan kajian rintis al-Alaq bagi

menilai penilaian kebolehlaksanaan al-Alaq di kalangan pengguna iaitu Guru Pendidikan Islam dan murid-murid Tahun Satu.

Pelaksanaan kajian rintis terhadap al-Alaq dijalankan di sebuah sekolah kebangsaan di Daerah Pendang, Kedah. Dua orang guru yang mempunyai, kelulusan dalam Pendidikan Islam dan pengalaman mengajar murid tahun satu lebih dari lima tahun dan 32 orang murid tahun satu yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel kajian yang sebenar terlibat dalam kajian ini. Kedua-dua orang guru tersebut akan menggunakan al-Alaq secara berkolaborasi dengan melaksanakan enam aktiviti daripada dua belas aktiviti yang terdapat dalam al-Alaq.

Penyelidik turut menggunakan kaedah Indeks Kesahan Kandungan (*Content Validity Index - CVI*) yang melibatkan Indeks Kesahan Kandungan Individu (I-CVI) dan yang kedua melibatkan Indeks Kesahan Kandungan Skala Keseluruhan (S-CVI). Kaedah ini digunakan untuk mendapat kesepakatan panel pakar dalam mengesahkan kebolegunaan Modul Pengajaran al-Alaq. Panel pakar pengesahan kebolehlaksanaan al-Alaq terdiri daripada enam orang pengguna modul tersebut iaitu dua orang guru Pendidikan Islam yang menjalankan pengajaran menggunakan al-Alaq, dua orang guru Pendidikan Islam yang mengajar tahun satu, seorang pensyarah bidang Pendidikan Islam dan seorang Pensyarah Bidang Kurikulum. Rumusan keseluruhannya nilai S-CVI adalah 0.98 iaitu melebihi nilai yang boleh diterima 0.80. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan kesepakatan panel pakar terhadap kebolegunaan al-Alaq adalah tinggi.

Penyelidik turut menggunakan temu bual separa struktur yang diadaptasi daripada kajian Rahimawati (2017) untuk menilai kebolehlaksanaan al-Alaq. Bentuk temu bual ini amat disokong oleh Merriam (2009) kerana jenis soalan ini lebih fleksibel dan bersifat eksplorasi untuk mendapat maklumat yang diterokai atau mendalami sesuatu fenomena. Oleh yang demikian, soalan temu bual separa digunakan untuk mendapat maklumat tentang kajian rintis al-Alaq.

Manakala dari aspek pelaksanaan al-Alaq kedua-dua responden bersetuju segala aktiviti yang dirancang berjalan lancar di samping bahan bantu mengajar yang pelbagai amat diperlukan kerana dapat merangsang otak untuk berfungsi pada tahap yang optimum. Kesimpulan dapatan kajian rintis menunjukkan bahawa al-Alaq boleh diterima guru dan murid-murid serta pelaksanaan menepati standard kurikulum dan penaksiran sekolah rendah dalam al-Quran, Pendidikan Islam. Segala cadangan yang dinyatakan oleh responden terhadap al-Alaq telah dimurnikan oleh penyelidik.

Pelaksanaan (*Implementation*)

Peringkat keempat Model ADDIE ialah peringkat pelaksanaan. Menurut Branch (2009) peringkat ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menyediakan guru dengan strategi pelaksanaan Instruksional dan sumber pembelajaran yang baru dibangunkan iaitu modul. Guru-guru yang terlibat akan diberi taklimat dan amali tentang operasi dan aktiviti-aktiviti yang terdapat di dalam al-Alaq. Faktor penyampaian guru turut memberi kesan kepada keberkesanan sesuatu objektif pengajaran dan pembelajaran (Mohd Syaubari, 2017). Oleh yang demikian, sebelum melaksanakan kajian dalam persekitaran yang sebenar iaitu di dalam kelas, guru-guru yang terlibat diberi latihan dalam pengajaran menggunakan al-Alaq iaitu guru sendiri yang mencuba melaksanakan model tersebut. Latihan ini dijalankan selama seminggu dalam bentuk

bengkel. Menurut Branch (2009) lagi pengalaman latihan yang dilaksanakan menjadi lebih berkesan apabila guru sendiri yang melibatkan secara aktif dalam aktiviti yang terdapat di dalam bahan pengajaran dan pembelajaran yang baharu.

Penyelidik menyusun latihan kepada guru yang terlibat berdasarkan kemahiran asas bacaan al-Quran yang terdapat dalam al-Alaq sebagai topik perbincangan di dalam bengkel. Setiap bengkel mengambil masa selama dua jam bagi setiap slot, dijalankan selama dua hari. Jadual 4 dan Jadual 5 di bawah merupakan jadual latihan al-Alaq kepada guru yang terlibat.

Jadual 4 Pelaksanaan al-Alaq Hari Pertama

Masa	Tajuk	Aktiviti
8:00 pagi	Pendaftaran Peserta	
8:30 pagi	Penerangan Objektif al-Alaq dan Konsep Pelaksanaannya	Penerangan
10:00 pagi	Rehat	
10:30 pagi	Slot 1: Kemahiran Asas Bacaan al-Quran tahun Satu: Huruf Hijaiyah Pelbagai Baris	Penerangan, Sumbang saran dan Mikro Pengajaran
12:30 Tengah hari	Rehat, Makan Tengah hari dan Solat zuhur	
02:00 Petang	Slot 2: Kemahiran Asas Bacaan al-Quran tahun Satu: Huruf <i>Hijaiyah</i> Bersambung	Penerangan, Sumbang saran dan Mikro Pengajaran
04:00 Petang	Bersurai	

Jadual 5 Pelaksanaan al-Alaq Hari Kedua

Masa	Tajuk	Aktiviti
8:00 pagi	Pendaftaran	
8:30 pagi	Slot 3: Kemahiran Asas Bacaan al-Quran tahun Satu: Huruf <i>Hijaiyah</i> Bersambung dengan Huruf berbaris Mad	Penerangan
10:00 pagi	Rehat	
10:30 pagi	Slot 4: Kemahiran Asas Bacaan al-Quran tahun Satu: Huruf <i>Hijaiyah</i> Pelbagai Baris bersambung dengan huruf berbaris sukun	Penerangan, Sumbang saran dan Mikro Pengajaran
12:30 Tengah hari	Rehat, Makan Tengah hari dan Solat Zuhur	
02:00 Petang	Slot 5: Kemahiran Asas Bacaan al-Quran tahun Satu: Huruf <i>Hijaiyah</i> Pelbagai Baris bersambung dengan huruf berbaris <i>shaddah</i>	Penerangan, Sumbang saran dan Mikro Pengajaran
04:00 Petang	Bengkel Tamat	

Penilaian (*Evaluation*)

Peringkat penilain ini penyelidik membahagikan kepada dua bentuk penilaian sumatif iaitu pertama penyelidik menilai kualiti al-Alaq dan keduanya penyelidik menilai kesan dan ketekalan kesan al-Alaq terhadap pencapaian kemahiran bacaan al-Quran tahun satu. Bahagian kedua untuk menilai kesan dan ketekalan kesan modul, penyelidik menggunakan reka bentuk kuasai-eksperimen ujian pra dan pos serta pos lanjutan satu kumpulan. Selain dari itu, penyelidik juga menggunakan buku rekod bacaan murid dan merekod bacaan murid semasa sesi penilaian untuk mengenal pasti kesan al-Alaq terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran tahun satu.

Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian ini membuktikan Model Instruksional ADDIE dapat memandu penyelidik untuk membangunkan Model Pengajaran al-Alaq dengan jayanya. Peringkat-peringkat yang terdapat dalam ADDIE yang sistematik dan fleksibel sangat membantu penyelidik untuk menyesuaikan model tersebut dengan konteks kajian penyelidik. Hal ini telah dinyatakan oleh (Branch, 2009; Nor Mazliana, 2016) Model ADDIE boleh digunakan dalam pelbagai bidang. Model ADDIE juga mudah diikuti dan tidak mempunyai langkah yang terlalu banyak seperti setengah model instruksional yang lain Nasohah et. al (2015). Dalam Model ADDIE mempunyai penilaian formatif dan setiap peringkat mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Kelebihan-kelebihan ini membantu penyelidik meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan model lebih tinggi semasa proses mereka bentuk dan membangunkan modul penyelidik (Cheung, 2016).

Kesimpulan

Model instruksional ADDIE merupakan model yang boleh membantu penyelidik-penyelidik untuk mereka bentuk dan membangunkan pelbagai modul pendidikan dengan baik dan berkesan. Signifikan kajian dapat memberi panduan kepada semua penyelidik yang ingin membangunkan sebarang modul menggunakan Model Instruksional ADDIE kerana sifatnya yang fleksibel dan sesuai digunakan dalam pelbagai bidang sebagai model instruksional.

Rujukan

- Ahmad Rizal, M., Muhammad Zhafran, M., Mohamad Zaid, M., & Yahya, B. (2011). Kesan Penggunaan Koswer Terhadap Tahap Pencapaian Pelajar Berdasarkan Gaya Kognitif Field Independence-Dependence. In *International Conference on Teaching and Learning in Higher Education 2009 (ICTLHE09)*, 23-25 November 2009, Kuala Lumpur. (p. 274). Kuala Lumpur: Universiti Tun Hussein Onn.
- Ahmad Tamizi, A., & Rabiatal Adawiah, A. R. (2020). Analisis Keperluan terhadap Pembinaan Modul al-Alaq-IQ (MpaA-IQ) bagi Meningkatkan Pencapaian Kemahiran Asas Bacaan al-Quran Tahun Satu. *Journal of Educational Research & Indegenous Studies*, 1(1), 13.

- al-Qabisi, A. H. A. M. K. (1955). *al-Risalah al-Mufassalah lilahwal al-Mutaallimin wa Ahkam al-Mualimin wa Mutaalimin*. Kaherah: Dar Ehya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Alizah Lambri, & Zamri Mahamod. (2015). Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berpusatkan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi : Pelaksanaan dan penerimaan pelajar (Student centered learning in teaching and learning of Bahasa Melayu in Higher Education: Implementation and acceptance stud. *Jurnal Personalia Pelajar* 18(1): 1-9.
- Bhasah, A. B. (2013). Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Program j- QAF dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 - Satu Kajian Kes. Tesis Sarjana. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Branch, R. M. (2009). *Instructional Design: The ADDIE Approach*. New York: Springer Science. <https://doi.org/10.1007/978-0-387-09506-6>
- Cheung, L. (2016). Using the ADDIE Model of Instructional Design to Teach Chest Radiograph Interpretation. *Journal of Biomedical Education* 1: 1-6.
- Davis, L. L. (1992). Instrument review: Getting the most from a panel of experts. *Applied Nursing Research*. [https://doi.org/10.1016/S0897-1897\(05\)80008-4](https://doi.org/10.1016/S0897-1897(05)80008-4)
- Grant, J. S., & Davis, L. L. (1997). Selection and use of content experts for instrument development. *Research in Nursing & Health*. [https://doi.org/10.1002/\(sici\)1098-240x\(199706\)20:3<269::aid-nur9>3.3.co;2-3](https://doi.org/10.1002/(sici)1098-240x(199706)20:3<269::aid-nur9>3.3.co;2-3)
- Jalaluddin, H. (2012). *Tamhid Al Baghdadi*. Batu Caves: Syihab Resources.
- Kamaruzzaman, I., & Norazah, M. N. (2012). Development of Web-Based Basic French Courseware (EASIFRENCH) by using Content Management System. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 64, 113–122. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.11.014>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2018). *e-Pelaporan j-QAF 2018*. Putra Jaya.
- Lynn, M. R. (1986). Determination and Quantification of Content Validity. *Journal of Experimental Psychology: General*. 34: 123-145.
- Maimun Aqsha, L., Wan Nurul Syuhada', W. H., & Mohd Isa, H. (2017). Tahap Pengetahuan Dan Kesiapan Guru-guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedial dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 1(1), 1–13.
- McGriff, S. J. (2000). *Instructional System Design (ISD): Using the ADDIE Model Instructional*. Penn State Universiti. https://doi.org/10.5005/jp/books/10200_4
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. 36th Annual Meeting of the American Association of Swine Veterinarians. San Francisco: The JosseyBass higher and adult education series.
- Mohd Majid, K. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusuf, A. (2000). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Muhamad Anuar, B. (2013). Keberkesanan teknik al-Baghdadi dalam pembelajaran al-Quran di Malaysia. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Muhammad Sabri, S., & NorAziah, A. (2012). A Design and Development Approach to Researching Online Arabic Vocabulary Games Learning in IIUM. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 67(November 2011), 360–369.

- Naziroh Ibrahim. (2015). Kesan Modul Pemulihan Intensif Dan Berterusan Terhadap Kemahiran Membaca Dan Menulis Jawi Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. PhD thesis, Universiti Sains Malaysia.
- Nor Mazliana Abdul Hashim. 2016. Pembangunan Modul Pengajaran Biologi Menggunakan Analogi (Modul Bio-A). Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Md Zin, N., Ariffin, S., & Yusoff, N. (2014). Keberkesanan Teknik Iqra' dan al-Baghdadi Suatu Perbandingan. *Jurnal Usuluddin*, 40, 51-70.
- Polit, D. F., Beck, C. T., & Owen, S. v. (2007). Focus on Research Methods Handling Missing Data. *Self-Report Measures*, 488–495. <https://doi.org/10.1002/nur>
- Rashidah, M. H. (2017). Pembelajaran Serentak al-Irfan al-Quran Sekolah Rendah. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Rosset, A. (1987). *Training needs assessment*. Englewood Cliffs: Educational Technology Publications.
- Sapie, S., Barinah, I., Suhana, M. L., Mohamad Fuad, I., & Siti Nga'ishah, M. (2018). Analisis Tahap Penguasaan Bacaan al-Quran Murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang Berdasarkan Model Khatam al-Quran Dan Model. In *Conference: International Conference on Islamic Education & Research (ICIER)* (pp. 0–19).
- Sidek, M. N., & Jamaludin, A. (2017). *Pembinaan Modul Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Waltz, C. F., Strickland, O. L., & Lenz, E. R. (2016). Measurement in Nursing and Health Research. *Measurement in Nursing and Health Research* (5th ed.). New York: Springer Publishing Company. <https://doi.org/10.1891/9780826170620>